

BULETIN

PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

MINDEF

EDISI 1/2024 (Januari - April)
ISSN 1511-1849

Perutusan **TAHUN BAHARU** KEMENTERIAN PERTAHANAN

Mencapai visi Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.

MS 04

MENARIK DI DALAM



Pelancaran LIMA 2025

Bertemakan "Innovate Today, Thrive Tomorrow".

MS 13

Isi Kandungan

BULETIN PATRIOT

SIRI 1 / 2024

02 ISI KANDUNGAN**03** EDITORIAL**04** PERUTUSAN TAHUN BAHRU KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG SELAMAT, BERDAULAT DAN MAKMUR**05** LAWATAN KERJA RASMI KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN IBRAHIM KE KEMENTERIAN PERTAHANAN**06** PELANCARAN KICK OFF KAJIAN SEPARUH PENGGAL KERTAS PUTIH PERTAHANAN**08** LAWATAN KERJA YB MENHAN KE KEM SERI PANTAI, KUALA TERENGGANU**09** SESI PEMUKIMAN MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN DI LUANG PRABANG, LAO PDR**10** PEDULI VETERAN MADANI NEGERI SARAWAK**11** KERJASAMA MALAYSIA-NEW ZEALAND TINGKATKAN USAHA HUBUNGAN PERTAHANAN**12** KAWALAN PERAIRAN SUNGAI DI SEMPADAN NEGARA: ATM DAN ROYAL THAI ARMED FORCES KONGSI KEPAKARAN PENGOPERASIAN**13** PELANCARAN LIMA 2025**14** PENYERI BULAN RAMADAN AL-MUBARAK**15** SAMBUTAN HARI TENTERA DARAT KE-91**16** KD LEKIR - DUTA KECIL NEGARA DI INDIA**17** UPACARA PENAMAAN DAN PENTAUHLIAHAN PATROL CRAFT SRI SABAH DAN SRI SARAWAK**18** LATIHAN AMTOP MENGUJI KEUPAYAAN DAN KESIAGAAN ANGGOTA ATM SERTA PENGOPERASIAN ASET TUDM**19** TUDM LAKSANA KERJASAMA OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI KAWASAN DUA (2) EMPANGAN UTARA SEMENANJUNG**20** LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JHEV ATM KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN DAN NEGERI SABAH**21** MAJLIS PERASMIAN RUMAH BINA BAHRU INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM PERINGKAT NEGERI KEDAH**22** INDOOR ENVIRONMENTAL QUALITY (IEQ) VS INDOOR AIR QUALITY (IAQ) DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP KESIAGAAN PERTAHANAN NEGARA**24** PROGRAM TITIAN KASIH RAMADAN**24** PENGURUSAN JENAZAH 2024 ANJURAN PUSPANITA CAWANGAN STRIDE**25** FESTIVAL HARI KELUARGA MINDEF 2024**25** FESTIVAL NASYID SEMPENA AMBANG RAMADAN KEMENTERIAN PERTAHANAN**26** PROGRAM SUNATHON PERDANA ATM TAHUN 2024**27** ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) SERTA PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG (PPT) KEMENTERIAN PERTAHANAN 2024**28** WORK SMARTER NOT HARDER**30** HENTIKAN GANGGUAN SEKSUAL**31** TAHUKAH ANDA: RASIONAL LOGO MINDEF**32** IKLAN KOPERASI TENTERA



Hindari “FAVOURITISM” DEMI KESEJAHTERAAN ORGANISASI

Sikap pilih kasih merupakan satu amalan tidak baik yang popular dalam sesebuah organisasi. Bahkan istilah pilih kasih, pilih bulu, anak emas, kena payung dan pelbagai perkataan lain dilabel bagi menunjukkan gambaran favouritism. Di dalam organisasi, amalan ini boleh berlaku disebabkan banyak faktor dan asbab, antaranya adalah pertalian yang rapat, persahabatan, hubungan persaudaraan, kawan lama, atau ikatan istimewa. Menyingkap makna istilah favouritism ini, ia merujuk kepada situasi individu atau satu kumpulan yang disukai oleh ketua dalam sesebuah organisasi sekali gus keadaan ini mewujudkan satu lagi pihak yang akan sentiasa ditindas, dipersalah dan dihukum tanpa usul periksa.

Amalan ini tidak terhad kepada seorang ketua sahaja bahkan turut terjadi dalam kalangan rakan sekerja yang akan menjelaskan keharmonian dan kesejahteraan sebuah organisasi. Perkara ini mewujudkan kelompok-kelompok tertentu dan akan menjelaskan produktiviti dalam sesebuah organisasi kerana terdapat banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan dengan baik akibat daripada tiada perbincangan secara telus dapat dilaksanakan.

Oleh yang demikian, amalan favouritism ini harus dibanteras sekeras-kerasnya kerana ia berkait rapat dengan kesihatan mental dan kebahagiaan setiap individu di tempat kerja. Amalan seperti ini menjadi toksik yang amat bahaya dan perlu ditangani agar suasana kerja yang harmoni dapat dibentuk dalam organisasi. Sesungguhnya orang yang tidak bahagia di tempat kerja boleh menjadi orang yang tidak bahagia dalam hidupnya kerana masa berkualiti yang digunakan dalam sehari lebih banyak di tempat kerja berbanding bersama keluarga.

Sidang Editorial

BULETIN PATRIOT
SIRI 1 / 2024

Penaung

YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Penasihat

Adreena binti Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor

Shahrul Nizam bin Mohd Tahir
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Penolong Ketua Editor

Lt Kol Masrina binti Jamaludin

Editor

Mej Hafiza bin Ismail
Norazlin binti Jalik
Lt Kdr Mohamad Ridzwan bin Mohamad Yusoff TLDM
Mej Ezrie Hanif bin Yusof TUDM
Muhammad Syurahbil bin Hashim
Mazaitul Azwa binti Abdullah

Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan
Nurul Sakina binti Ariffin

Foto

Unit Komunikasi Strategik;
Perhubungan Raya Tentera Darat;
Bahagian Komunikasi Strategik Tentera Laut Diraja Malaysia;
Sekretariat D Tentera Udara Diraja Malaysia;
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan; dan
Angkatan Tentera Malaysia.

Tel	: 03 - 4012 3305
Web	: www.mod.gov.my
e-mel	: penerbitan.eks@gmail.com
facebook	: Kementerian Pertahanan Malaysia
Instagram	: mindefmalaysia
Twitter	: @MINDEFMalaysia
Youtube	: KementerianPertahananMalaysia
Telegram	: MINDEF UPDATE
Tiktok	: mindefmalaysia



Perutusan Tahun Baharu Kementerian Pertahanan

Malaysia Sebagai Sebuah Negara Yang Selamat, Berdaulat Dan Makmur

Kementerian Pertahanan telah menggariskan lima (5) fokus utama yang menjadi tunjang dalam mencapai visi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Perkara ini telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan semasa Majlis Perutusan Tahun Baharu 2024 yang telah berlangsung pada **9 Januari 2024** bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan.

Lima (5) fokus tersebut adalah;

- i. Memastikan sistem pertahanan negara bukan sahaja sentiasa dalam keadaan bersedia tetapi dihormati kawan dan lawan;
- ii. Membangunkan dan mengemas kini perancangan pertahanan yang lebih terkini;
- iii. Kebajikan dan pembangunan kapasiti;
- iv. Patriotisme sebagai benteng pertahanan terbaik negara; dan
- v. Malaysia dan keamanan sejagat.

Pada majlis tersebut juga, YB Menteri Pertahanan turut menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pertahanan Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia. MoU ini bertujuan membantu dan menyokong satu sama lain dalam program-program kesedaran, advokasi, penyelidikan dan pengukuhan mengenai dasar, nilai integriti, tata kelola dan antirasuah dalam sektor awam dan sektor korporat.

Selain itu, pelancaran imej korporat baharu bagi Kementerian Pertahanan (MINDEF) dalam mencerminkan ke arah pemodenan turut diadakan. Ciri tersebut melambangkan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah kementerian yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai sepunya seperti integriti, cekap dan profesional dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Turut hadir sama YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan; YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad Ab. Rahman, Panglima Angkatan Tentera; pengurusan tertinggi kementerian, panglima-panglima perkhidmatan, pegawai-pegawai kanan awam dan Angkatan Tentera Malaysia. Majlis Perutusan Amanat Tahun Baharu turut disiarkan melalui platform Zoom ke seluruh Formasi Tentera Darat, Markas Tentera Laut serta Markas Tentera Udara.



Lawatan Kerja Rasmi Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ke Kementerian Pertahanan

Tanggal **26 Mac 2024** menjadi detik bersejarah apabila Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah berkenan bercemar duli mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Kementerian Pertahanan. Lawatan ini merupakan lawatan yang julung kali dizahirkan Seri Paduka Baginda ke atas organisasi kementerian-kementerian sejak baginda menaiki takhta sebagai Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda telah disambut oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan; YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan; YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman, Panglima Angkatan Tentera. Turut



serta bersama adalah Jen Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat; Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut; Jen Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Seusai keberangkatan tiba, Seri Paduka Baginda telah berkenan menandatangani buku lawatan dan seterusnya menerima sembah taklimat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan berkenaan Struktur Organisasi dan Profil Kementerian, Kertas Putih Pertahanan (KPP), Pelan Strategik MINDEF (PSM) 2021-2025, Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN), Kekuatan Aset Strategik, Perolehan Aset Utama, Pelupusan Aset Usang dan Projek Pembangunan Utama.

Menjunjung Kasih
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**
ATAS LIMPAH PERKENAN BERANGKAT BERCEMAR DULI KE
**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
SEMPENA LAWATAN KERJA RASMI**
PADA HARI SELASA, 26 MAC 2024 BERSAMAAN 15 RAMADAN HIJRAH



Pelancaran **KICK-OFF** Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan

Kertas Putih Pertahanan (KPP) merupakan sebuah dokumen terbuka dasar pertahanan negara yang telah diluluskan di Parlimen pada 2 Disember 2019. Dokumen ini merencana hala tuju pertahanan negara bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 sehingga tahun 2030 merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13). KPP menerangkan pendirian kerajaan berkaitan pertahanan negara, membentangkan perspektif strategik yang mempengaruhi keselamatan negara dan menggariskan satu (1) Kerangka Pertahanan Negara bagi memastikan Malaysia terus kekal selamat, berdaulat dan makmur.

Sehubungan itu, dokumen ini telah menetapkan bahawa satu (1) Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan (KSP KPP) perlu dilaksanakan menjelang tahun 2025 untuk menilai pencapaian pelaksanaan KPP serta membuat penambahbaikan bagi meneruskan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13). Sejak KPP dilancarkan sehingga kini, pelbagai peristiwa telah berlaku yang mengubah persekitaran strategik dan seterusnya memberi kesan kepada Malaysia. Pandemik COVID-19, perubahan iklim, peperangan Ukraine-Russia, ketegangan di Selat Taiwan dan konflik Palestin dan Israel memberi kesan langsung terhadap keselamatan negara.





Penemuan dan syor penambahbaikan yang dikenalpasti semasa KSP akan dilaksanakan semasa RMKe-13. Dokumen KSP KPP ini akan menjadi dokumen sisipan kepada KPP yang sedia ada dan perlu dibaca bersama untuk dijadikan rujukan utama kepada Kementerian Pertahanan dan kerajaan amnya dalam menguruskan pertahanan negara untuk tempoh 2026-2030 di bawah RMKe-13.

Kementerian Pertahanan akan meneruskan pendekatan keseluruhan kerajaan serta keseluruhan masyarakat dan melaksanakan pelan libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti berikut:

- i. Pemegang Taruh Nasional - semua kementerian dan agensi berkaitan;
- ii. Pemegang Taruh Keselamatan – kementerian dan agensi berkaitan keselamatan;
- iii. Pemegang Taruh Pertahanan – Kementerian Pertahanan, ATM dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan;
- iv. Industri Pertahanan – pemain industri pertahanan tempatan;
- v. Masyarakat Civil – pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan berdaftar dan rakyat; dan
- vi. Negara Rakan – Penasihat Pertahanan, Pakar Bidang Khusus dan perwakilan asing.

YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Kick-Off Kajian Separuh Penggal Kertas Putih Pertahanan (KSP KPP) pada **13 Februari 2024** bertempat di Dewan Perkasa, Kuala Lumpur. Majlis ini bertujuan melancarkan Kajian Separuh Penggal (KSP) untuk melihat pencapaian pelaksanaan KPP sepanjang RMKe-12. KSP KPP akan dilaksanakan bagi tempoh satu (1) tahun dan dijangka akan siap pada suku keempat 2024. Portal KSP KPP juga telah disediakan bagi memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memberi maklum balas kepada pelaksanaan semasa KPP dan cadangan penampaikan kepada pelaksanaan KPP akan datang.



Lawatan Kerja YB Menteri Pertahanan Ke Kem Seri Pantai, Terengganu

YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan telah mengadakan Lawatan Kerja ke Batalion Ke-18 RAMD (Para), Kem Seri Pantai pada **27 April 2024**. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk melihat sendiri keadaan persekitaran semasa kediaman Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Blok Negeri Sembilan yang didiami oleh warga Tentera Darat. Turut serta mengiringi YB Menteri Pertahanan adalah Jen Tan Sri Dato' Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat.

YB Menteri Pertahanan telah diberi taklimat dan beliau berkesempatan mengunjungi dua (2) buah rumah anggota tentera yang tinggal di RKAT. Secara keseluruhan RKAT di Kem Seri Pantai berjumlah 301 unit kediaman meliputi pecahan sebanyak 26 unit diperuntukkan kepada Pegawai, 35 unit untuk Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) dan 240 unit untuk Pegawai Tidak Tauliah Rendah (PTTR). Semasa sesi lawatan kerja ini, YB Menteri Pertahanan telah menyempurnakan penyerahan mock cheque berjumlah RM1.32 juta bagi tujuan

senggaraan RKAT dan Blok Penginapan Kem Seri Pantai, Batalion Ke-18 RAMD (Para) kepada Mej Jen Dato' Khairul Azmizal bin Ahmad Natal, Panglima 10 Briged.

Selain itu, majlis Sumbangan Pendidikan MADANI oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) untuk anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 1 sesi persekolahan 2024 turut dilaksanakan. Seramai 10 orang pelajar telah menerima insentif RM50 secara one-off yang dikreditkan terus ke akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN Prime). Penyampaian bantuan kebajikan oleh YLTAT kepada 14 orang penerima dari kalangan anggota atau waris yang menghidap sakit kronik turut dilaksanakan. Mereka menerima sumbangan sebanyak RM300 secara one-off.

Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan komited menumpukan aspek kebajikan warganya bagi memastikan kesejahteraan Warga ATM sentiasa terpelihara.



Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Di Luang Prabang, Lao PDR

Sesi Pemukiman Menteri-menteri Pertahanan ASEAN telah diadakan pada **4 hingga 6 Mac 2024** di Luang Prabang, Lao PDR. Sesi ini telah disertai oleh 10 buah negara anggota ASEAN dan telah dipengerusikan oleh TYT Jen Chansamone Chanyalath, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Lao PDR.

Semasa sesi tersebut, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan Malaysia telah menyampaikan sokongan dan komitmen Malaysia terhadap Lao PDR selaku Penggerusi Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ASEAN Defence Ministers' Meeting, ADMM). Pelbagai perkara telah dibincangkan semasa sesi ini termasuklah soal keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau dengan menjadikan prinsip dan nilai asas ASEAN iaitu "centrality" dan "unity" sebagai keutamaan.



Selain itu, YB Menteri Pertahanan juga turut membincangkan mengenai kemajuan ADMM dan strategi ADMM pasca-2025 dengan mengambil kira pencapaian pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025. Penekanan mengenai aspek kepentingan ADMM dan ADMM-Plus selaku platform utama dalam mempromosikan dialog pertahanan dan keselamatan serta kerjasama praktikal untuk meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

Kenyataan Bersama telah dikeluarkan oleh Menteri Pertahanan ASEAN mengenai Pencapaian ADMM dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025 semasa penghujung Sesi Pemukiman. Kata sepakat telah dicapai bagi merealisasikan Wawasan Komuniti ASEAN 2045, termasuk memastikan sumbangan sektor pertahanan dipertingkatkan demi keamanan, kestabilan dan keselamatan serantau.



Program Peduli Veteran Madani Peringkat Negeri Sarawak

Program Peduli Veteran Madani (PVM) peringkat Negeri Sarawak telah dilaksanakan pada **26 April hingga 30 April 2024**. YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah melaksanakan lawatan kebajikan dan menyantuni seramai 36 orang Veteran ATM di sekitar Lundu, Bau, Serian, Kota Samarahan dan Kuching. PVM yang dilaksanakan ini memfokuskan kepada aspek kesihatan, golongan asnaf, perumahan serta pemerkasaan ekonomi usahawan. Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) turut mengiringi YB Timbalan MenHan ke sesi jelajah PVM Negeri Sarawak.

Lawatan kebajikan ke rumah veteran memfokuskan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan yang mengalami sakit kritis, uzur, hidup dalam keadaan daif yang memerlukan bantuan perumahan. Semasa sesi lawatan juga turut diselitkan penyerahan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan susu. Sumbangan wang tunai dan kotak makanan juga turut diberikan semasa sesi ziarah.

Selain itu, jejak usahawan Veteran ATM juga dilaksanakan semasa sesi jelajah ini. Tujuan program jejak usahawan veteran adalah untuk membantu mempromosikan produk dan perkhidmatan di platform media sosial JHEV. YB Adly Zahari telah menyampaikan sumbangan mesin jahit industri kepada Payah anak Bunsu yang mengusahakan perniagaan jahitan dan *chiller fridge* kepada Morni anak Ibrahim yang mengusahakan perniagaan makanan dan katering.

YB Adly juga menyampaikan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada tujuh (7) orang veteran iaitu dua (2) orang di Kuching, dua (2) orang di Kota Samarahan, satu (1) orang di Lundu dan dua (2) orang di Serian. PVM merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga dan memastikan agenda kebajikan Veteran ATM serta tanggungannya sentiasa diutamakan sejarah dengan bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara.

Sebanyak 13 program PPV telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2024, termasuk wilayah Sabah dan Sarawak. Ianya bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM.



YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke New Zealand pada 12 hingga 15 Mac 2024. Lawatan kerja rasmi ini bersempena dengan Mesyuarat Eksekutif Kanan Malaysia-New Zealand (MNZSEM) ke-16 yang membincangkan mengenai hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dan New Zealand dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak.

Agenda mesyuarat ini merangkumi perbincangan keselamatan Indo-Pasifik serta penglibatan kedua-dua buah negara dengan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FDPA). Turut dibincangkan komitmen kedua-dua buah negara bagi meningkatkan lagi kerjasama pertahanan di antara satu sama lain.

Selain itu, YBhg. Datuk Seri telah mengambil kesempatan dengan membuat dua (2) kunjungan hormat berbeza, pertamanya ke atas Tony Davies, Naib Marsyal Udara, Naib Panglima Angkatan Tentera (Pemangku Panglima Angkatan Tentera) dan perbincangan adalah berkaitan peluang mengukuhkan dan meningkatkan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan New Zealand.

Kunjungan hormat kedua pula ke atas Ben King, Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar), Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan (MFAT) yang turut membincangkan isu berkaitan perdagangan antara kedua-dua negara. Lawatan rasmi ke New Zealand adalah penting bagi memastikan kerjasama pertahanan antara Malaysia dan negara-negara rakan dikekalkan dan dipertingkatkan.

Kerjasama Malaysia-New Zealand Tingkatkan Usaha Hubungan Pertahanan





Kawalan Perairan Sungai Di Sempadan Negara: ATM dan *Royal Thai Armed Forces* Kongsi Kepakaran Pengoperasian

Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman, Panglima Angkatan Tentera telah mengadakan lawatan kerja ulung ke *Royal Thai Armed Forces* di Mueang Chiang Rai, Thailand pada **12 Januari 2024**. Lawatan kerja ini bertujuan untuk bertukar kepakaran (transfer expertise) dengan Pegawai *Royal Thai Navy* dari Mekong Riverine Unit (MRU) mengenai cara pengoperasian pengawalan perairan sungai di sempadan.

MRU merupakan pasukan dari *Royal Thai Navy* yang bertanggungjawab terhadap pengawalan dan keselamatan Sungai Mekong serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Sungai Mekong adalah sungai ke 12 terpanjang di dunia dengan jarak kira-kira 4880 km yang mengalir dari Dataran Tibet di utara melalui Yunnan di China, Myanmar, Thailand, Laos, Kemboja dan Vietnam.

Lembangannya pula berkeluasan 812,000 km persegi dan sungai ini merupakan sungai ke 10 terbesar di dunia dari segi isipadu dan mengeluarkan 475 km padu air setiap tahun. Semua negara yang memiliki Sungai Mekong dalam tanahnya kecuali China dan Myanmar, menyertai Suruhanjaya Sungai Mekong/ Mekong River Commission (MRC). MRC adalah satu-satunya

organisasi berasaskan perjanjian antarabangsa di Mekong dengan mandat untuk mempromosikan dan menyelaraskan penggunaan mampan air dan sumber-sumber yang berkaitan dengan sungai besar ini.

MRU bekerjasama rapat dengan MRC dalam pengawalan keselamatan Sungai Mekong di sepanjang tanah Thailand dengan penempatan tujuh (7) pos pengawalan. Masalah utama yang dihadapi oleh MRU dalam membuat pengawalan keselamatan terhadap Sungai Mekong adalah berkaitan dengan penyeludupan dadah dan barang terlarang, kemasukan pendatang asing dan juga jenayah rentas sempadan.

Ketibaan Panglima Angkatan Tentera dan delegasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah disambut oleh Rear Admiral Narin Khawcharoan, Commander of MRU bersama-sama pegawainya sebelum dibawa menghadiri taklimat mengenai status semasa dan pengoperasian MRU. Selesai taklimat Panglima Angkatan Tentera telah dibawa ke sekitar tempat di MRU bagi sesi lawatan tapak untuk melihat sendiri bagaimana pengawalan sempadan, rondaan dan pengawalan dilaksanakan oleh pegawai dan anggota MRU.



Pelancaran PAMERAN LIMA 2025

Pelancaran Pameran Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA 2025) yang dijadualkan akan berlangsung dari 20 hingga 24 Mei 2025 telah diumumkan oleh Kementerian Pertahanan pada 26 April 2024 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia. Pameran ini adalah anjuran bersama antara Kementerian Pertahanan dan Global Exhibitions and Conferences Sdn Bhd (GEC).

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan. Bertemakan “Innovate Today, Thrive Tomorrow” adalah untuk mengetengahkan kepentingan pemain-pemain industri untuk sentiasa berinovasi dan meningkatkan daya saing seiring dengan perkembangan teknologi yang kian pesat. Memasuki edisi yang ke-17, pameran ini telah mendapat sambutan awal yang sangat menggalakkan dari syarikat luar dan dalam negara. Secara tidak langsung membuktikan bahawa Pameran LIMA adalah acara yang dinanti-nantikan oleh pemain-pemain industri aeroangkasa dan maritim tempatan serta antarabangsa.

Bagi memastikan kejayaan pengajuran LIMA 2025, GEC telah menjalinkan kolaborasi strategik bersama Arabian World Events, QUBE Integrated Malaysia Sdn Bhd, SHP Media Sdn Bhd, Curio Pack Sdn Bhd, Malaysian Aerospace Industry Association (MAIA) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT). Perbincangan masih berterusan dengan rakan strategik lain yang berpotensi bagi memastikan LIMA 2025 mampu memberikan impak positif kepada negara dan juga industri.

LIMA 2025 akan mengetengahkan beberapa segmen baharu bagi menarik lebih banyak

penyertaan daripada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menjadi sebahagian daripada Pameran LIMA 2025 bagi kedua-dua segmen aeroangkasa dan maritim. Penyertaan daripada Institusi Pendidikan Tinggi kerajaan dan swasta yang memiliki kepakaran industri aeroangkasa dan maritim untuk menyertai Pameran LIMA 2025 sangat dialu-alukan.

Hadir sama adalah YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab. Rahman, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia.



Penyeri Bulan RAMADAN AL-MUBARAK

Artikel oleh: Perhubungan Raya Tentera Darat Malaysia

Bersempena dengan bulan Ramadan Al-Mubarak, Tentera Darat Malaysia (TDM) telah menganjurkan pelbagai program berkonsep keagamaan bagi memeriahkan lagi bulan Ramadan Tahun 2024 di peringkat TDM.

Permulaan Ramadan, TDM telah menganjurkan Program Solat Subuh Perdana Peringkat Tentera Darat Tahun 2024 bertempat di Masjid Khalid bin Al-Walid Kementah (MKWK), Kuala Lumpur. Program yang penuh dengan keberkatan ini juga telah disambut baik oleh Pemerintah Tertinggi Tentera Darat dengan penglibatan Jen Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat (PTD) bersama isteri, Puan Sri Datin Hartiah binti Hamzah yang hadir bersama-sama setiap kali solat subuh berjemaah pada hari Jumaat sepanjang Ramadan.

Secara tidak langsung program ini dapat membina sifat kebersamaan dan solidariti dalam kalangan warga TDM. PTD dalam ucapannya menyeru agar seluruh warga MKTD mengambil ibrah dari Perang Badar yang berlaku pada bulan Ramadan Tahun Kedua Hijrah. PTD turut menyeru agar seluruh warga menghindari perkara-perkara melalaikan yang boleh mengurangkan pahala puasa. PTD turut berkesempatan untuk menyampaikan sumbangan kurma kepada semua warga MK TD.

Ramadan tidak menghalang kesiagaan TDM, PTD turut turun padang bagi meninjau kesiagaan Pos GABMA, Lubuk Antu, Sarawak. Peluang ini juga dimanfaatkan oleh PTD bagi menyantuni para pegawai dan anggota yang menyambut Ramadan Al-Mubarak dalam kawasan operasi yang jauh dari keluarga tercinta. PTD dalam ucapannya turut berpesan agar pegawai dan anggota sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam tugas yang diamanahkan.

Di samping itu, TDM juga telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Peringkat Tentera Darat Tahun 2024 bertempat di Masjid Thoriq bin Ziyad, Kem Perdana Sungai Besi. Majlis ini telah dihadiri kira-kira 1,000 orang warga TDM dari sekitar Lembah Klang serta mantan-mantan PTD. Majlis ini diserikan lagi dengan solat tarawih berjemaah.

Turut berlangsung adalah acara penyampaian sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan harian oleh PTD dan isteri kepada enam (6) orang penerima yang terdiri daripada anggota

dan ahli keluarga yang mempunyai penyakit kronik dan golongan asnaf. Selain itu, PTD turut menyampaikan sumbangan kepada Sekolah Tahfiz Anak Yatim Angkatan Tentera Malaysia (STAY ATM) dan penyampaian zakat kepada formasi-formasi TD untuk diagih-agihkan kepada warga TD yang memerlukan bantuan.

Program sepanjang bulan Ramadan diteruskan lagi di mana Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berjaya menyediakan 15,000 beg untuk diserahkan kepada perwira dan perajurit negara yang bertugas menjaga keselamatan perbatasan dan kesejahteraan negara semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H di seluruh pelusuk tanah air melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan TDM, TLDM dan TUDM. Ini termasuklah mereka yang sedang bertugas di luar negara (PBB).

TDM juga telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Tentera Darat di Masjid As Syuhada Kem Terendak, Melaka. Majlis ini dilaksanakan bagi memupuk kecintaan dan minat terhadap Al-Quran dalam menghidupkan syiar Islam disamping mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak dengan alunan ayat suci Al-Quran.

Penutup tirai Ramadan, TDM terus menggalakkan warganya melibatkan diri dengan program-program keagamaan di keseluruhan masjid di dalam kem seluruh Malaysia. Bukan sahaja solat subuh berjemaah pada setiap Jumaat, malahan program-program Qiamullail Perdana sehingga tibanya Syawal.





SAMBUTAN HARI TENTERA DARAT (HTD) KE-91

Artikel oleh: Perhubungan Raya Tentera Darat Malaysia

Tentera Darat Malaysia (TDM) telah menginjak ke usia 91 tahun pada **1 Mac 2024**. Hari Tentera Darat yang disambut pada setiap tahun ini merupakan acara tradisi yang dianjurkan dengan matlamat mengukuhkan kesatuan warga TDM serta mengeratkan hubungan dengan masyarakat.

Selain itu, sambutan ini juga bertujuan mengenang kembali segala pengorbanan warga TDM terdahulu yang telah berjuang demi mengekalkan kedaulatan tanah air. Sempena sambutan Hari Tentera Darat Ke-91 pada tahun ini, tema yang di bawa pada kali ini adalah **“Gagasan Tentera Darat dan Rakyat, Kekal Siaga”**. Tema ini membawa maksud bahawa tugas dan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara tidak hanya digalas oleh TDM semata-mata, sebaliknya perlu digalas bersama rakyat. Program-program yang berlangsung sepanjang Sambutan HTD Ke-91 telah disusun atur dengan teliti bersama pengisian yang padat. Antaranya adalah perbarisan dan perarakan aset di sekitar Dataran Segamat, Program Forum Perdana dan Khutbah Khas di Masjid Bandar Segamat, Program Jiwa Murni di masjid dan sekolah serta pertunjukan TATU TD.

Semasa berlangsung, seramai 10,000 pengunjung telah hadir bagi menyaksikan perbarisan tempur melibatkan enam (6) detasmen iaitu Detasmen 10 Briged (Para), Gerup Gerak Khas (GGK), Detasmen Tempur, Bantuan Tempur, Bantuan Khidmat dan Detasmen Wanita. Berkekuatan seramai 40 pegawai dan 1,244 anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Perbarisan Tempur ini telah disempurnakan oleh Jen Tan Sri Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat (PTD) yang telah menerima tabik hormat daripada Ketua Perbarisan iaitu Lt Kol Mohd Shahrul bin Hamidon, Pegawai Memerintah Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja (5 RAMD). Turut diadakan adalah Perasmian Strategik Domain Daratan dan penyampaian Anugerah Pisau TD, Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (AKPAT) dan Anugerah Pengurusan Inovasi Tentera Darat (APITD).

Selain itu, TDM turut menganjurkan Program Forum Perdana yang bertajuk ‘Gagasan Tentera Darat dan Rakyat, Kekal Siaga’. Forum Perdana ini telah menampilkan YBhg. Tuan Hj Hamizan bin Sayuti, Kadi Daerah Segamat sebagai moderator bersama tiga (3) orang panel iaitu YBhg. Dato' Hj Ahmad Faisal bin Mohamed, Timbalan Mufti Johor, Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah KAGAT dan YBhg. Tuan Hj Hasri bin Rahman, Kadi Daerah Batu Pahat.

Mengambil keberkatan Jumaat, HUT TD tahun ini menampilkan Khutbah Khas di Masjid Kampung Kuala Paya. Khutbah Khas Jumaat ini disampaikan oleh Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bunjai, Ketua Pengarah KAGAT yang berkisarkan tentang pengorbanan para pahlawan terdahulu demi memastikan kedaulatan negara kekal terjamin. Sambutan HTD Ke-91 kali diserikan dengan Program Jiwa Murni (PJM) di Masjid Kampung Kuala Paya dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Paya. Perlaksanaan PJM pada kali ini memberi khidmat penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan dan fasiliti di masjid tersebut. Usaha ini dijalankan oleh Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) dan dibantu oleh Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). TDM turut menyumbangkan peralatan dan bantuan persekolahan seperti komputer riba, mesin pencetak serta penghawa dingin untuk kegunaan para pelajar di SK Kuala Paya serta penghawa dingin untuk kegunaan para jemaah di Masjid Kampung Kuala Paya.

Pada sebelah malamnya, TDM menganjurkan Persembahan TATU TD di Dataran Segamat, Johor. Antara acara yang dipersembahkan kepada pengunjung adalah Tarian Kebudayaan, Tarian Perang dari 10 Briged (Para), Kawad Senyap, Pertunjukan Anjing Perang dan Pertunjukan Akrobatik Motosikal dari Army Red Warrior serta pelbagai lagi.

KD LEKIR

DUTA KECIL NEGARA DI INDIA

Artikel oleh: Cawangan Komunikasi Strategik TLDM, Kementerian Pertahanan

Kapal korvet milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD LEKIR terus memperkasakan diplomasi pertahanan negara menerusi penyertaan dalam eksesais bilateral dan multilateral di Visakhapatnam, India dari 18 Februari hingga 2 Mac 2024.

Bagi penugasan pertama, KD LEKIR telah menyertai Eksesais MILAN 2024 iaitu eksesais multilateral terbesar yang dianjurkan oleh Tentera Laut India dari **18 hingga 27 Februari 2024**. Eksesais tersebut menghimpunkan pelbagai asset permukaan dan pesawat dari 47 negara dan memperlihatkan komitmen bersama untuk menangani cabaran maritim di rantau ini. Melalui pertukaran pengalaman dan latihan bersama, penglibatan KD LEKIR secara tidak langsung telah memperkuat diplomasi pertahanan bersama negara-negara yang terlibat di samping memupuk kesefahaman dan memperluas interoperabiliti di antara pelbagai angkatan laut.

Seterusnya, KD LEKIR telah meneruskan penglibatan menerusi Eksesais SAMUDRA LAKSAMANA 5/24 bersama Tentera Laut India bermula **28 Februari hingga 2 Mac 2024**. Eksesais bilateral ini bertujuan memperkuuh hubungan dua hala yang penting antara kedua-dua negara. SAMUDRA LAKSAMANA tidak hanya meningkatkan kepercayaan antara dua (2) negara, malah mengiktiraf status TLDM sebagai rakan maritim yang berwibawa. Pertukaran maklumat dan amalan baik antara kedua-dua angkatan laut juga telah meningkatkan interoperabiliti dan kompetensi pasukan dan warga dalam memperkuuh kesiapsiagaan menghadapi cabaran serantau.

Penyertaan KD LEKIR dalam kedua-dua eksesais ini jelas membuktikan penglibatan TLDM dalam mendukung tonggak strategik pertahanan negara melalui aktiviti diplomasi pertahanan. Dengan keterlibatan KD LEKIR dalam eksesais bilateral dan multilateral, Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengekalkan keselamatan serantau, di samping memperkuuh jaringan diplomasi pertahanannya. Manfaat dari penglibatan ini tidak hanya terbatas kepada peningkatan diplomasi pertahanan, malah menguntungkan TLDM dari aspek kesiapsiagaan asset dan memperkuuh kompetensi warganya dalam menghadapi cabaran semasa.



Upacara Penamaan Dan Pentaulahan *Patrol Craft* SRI SABAH Dan SRI SARAWAK

Artikel oleh: Cawangan Komunikasi Strategik TLDM, Kementerian Pertahanan

Upacara Penamaan dan Pentaulahan *Patrol Craft* (PC) TLDM iaitu KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK telah disempurnakan di Jeti Pangkalan TLDM Tanjung Gelang, Kuantan pada 19 Januari 2024. Puan Sri Dr. Norinah binti Mustapha, isteri kepada Panglima Tentera Laut adalah *Lady Sponsor* bagi penamaan kapal KD SRI SABAH, manakala isteri kepada Timbalan Panglima Tentera Laut, Datin Zamzelina binti Ahmad bagi penamaan KD SRI SARAWAK.

Upacara pentaulahan kedua-dua kapal telah disempurnakan oleh Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut yang membacakan Perintah Pentaulahan sebagai simbolik kepada Pentaulahan Kapal. Beliau turut memakaikan insignia Pegawai Memerintah kepada Lt Kdr Mohd Fairuz bin Ahmad Fauzi TLDM, Pegawai Memerintah KD SRI SABAH dan Lt Kdr Anwar Redhwan bin Lokman Hakim TLDM, Pegawai Memerintah KD SRI SARAWAK.

Dalam intipati ucapan, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman menyatakan bahawa kemasukan KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK ke dalam armada TLDM merupakan langkah interim bagi menangani pelbagai cabaran dan komitmen semasa TLDM, khususnya dalam aspek operasi di lapangan yang semakin dinamik. Selain itu, ianya pendekatan interim sementara menunggu aset baharu. Inisiatif ini bukanlah sebahagian dari pelan pembangunan aset jangka panjang seperti yang telah sedia maklum kepada umum dalam Pelan Transformasi 15to5 yang memfokuskan kepada perolehan aset-aset baharu.

KD SRI SABAH dan KD SRI SARAWAK telah selesai menjalani rutin pasang pulih secara ekstensif, melibatkan kerja-kerja *replating* dan *repowering* serta pemasangan beberapa peralatan yang lebih moden. Ini bagi menjamin pengoperasian yang lebih berkesan dan selamat, selain memenuhi keperluan semua warga kapal.

Kejayaan membaik pulih kedua-dua kapal yang berusia melebihi 50 tahun ini amat dibanggakan. Inisiatif warga TLDM dan limbungan tempatan MSET Shipbuilding Corporation Sdn Bhd di Kuala Terengganu ini membuktikan bahawa industri pertahanan maritim tempatan mempunyai keupayaan dan berpotensi untuk lebih maju serta berdaya saing.

Sebagai rekod, kedua-dua kapal ini pernah menjadi aset TLDM sejak tahun 1967. Namun, ianya telah diserahkan kepada Agensi Pengawal Maritim Malaysia (APMM) semasa penubuhan awal agensi tersebut pada 2006. Hasil pindah milik, kedua-dua aset tersebut memasuki inventori TLDM pada 10 Jun 2020. Berdasarkan perancangan, kedua-dua kapal ditempatkan di perairan Sabah Timur bagi keperluan operasi maritim di kawasan perairan sempit dan cetek. Selain itu, ianya juga akan digunakan sebagai platform latihan bagi warga TLDM.

Kedua-dua kapal kini ditempatkan di Markas Wilayah Laut 1, Kuantan.





Latihan AMTOP Menguji Keupayaan Dan Kesiagaan Anggota ATM Serta Pengoperasian Aset TUDM

Artikel oleh: Bahagian Perhubungan Awam TUDM, MTU - Sekretariat D

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan latihan bersepadu menggabungkan pasukan dari Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam latihan *Air Mobility Tactical Operation* (AMTOP) Siri 1/24. Latihan ini telah dikoordinasi dengan jayanya oleh Markas Wilayah Udara 1 (MAWILUD 1) melibatkan beberapa kawasan operasi latihan di sekitar Kuantan, Gong Kedak dan Terendak.

AMTOP Siri 1/24 tahun ini telah melaksanakan pelbagai bentuk latihan seperti "Air Drop", "Roll Duck", "Deck Landing Training", "Tactical Air Landing Operation" dan "Military Free Fall". Kesemua latihan yang dilaksanakan adalah untuk menguji dan menentukan tahap kecekapan semua elemen yang terlibat dan seterusnya untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan anak kapal dan pasukan khas ATM (Darat, Laut dan Udara) di dalam melaksanakan tugas operasi atau latihan secara taktikal di samping kebolehoperasian (interoperability) dan keberkesanan penugasan bersama antara perkhidmatan dalam ATM.

Selain daripada itu, latihan ini juga untuk menguji keberkesanan peralatan yang sedia ada dan terkini agar dapat disesuaikan dengan operasi semasa serta mengemaskini prosedur sedia ada.

Latihan yang dilaksanakan bermula pada **27 Februari hingga 7 Mac 2024** telah berjaya membuktikan aset-aset pertahanan udara milik TUDM terutamanya pesawat angkut (C130H, A400M dan CN235) dan helikopter (EC725AP dan AW139) sentiasa dalam siap siaga serta berupaya untuk melaksanakan tugas-tugas operasi sama ada di daratan atau pun di lautan sebilang masa.

Latihan ini juga membuktikan kemampuan kerjasama antara cabang perkhidmatan dalam ATM iaitu TDM dan TLDM serta elemen pasukan khas dari Grup Gerak Khas (GGK), Pasukan Elit 10 Briged (Para) dan Pasukan Khas TUDM (PASKAU).

TUDM Laksana Kerjasama Operasi Pemberian Awan (OPA) Di Kawasan Dua (2) Empangan Di Utara Semenanjung Malaysia

Artikel oleh: Bahagian Perhubungan Awam TUDM, MTU - Sekretariat D

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan kerjasama Operasi Pemberian Awan (OPA) bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di kawasan tадahan bagi menstabilkan paras dua (2) empangan di utara Semenanjung Malaysia iaitu di Empangan Air Hitam, Pulau Pinang dan Empangan Bukit Merah di Perak pada **28 Februari 2024**.

Kerja-kerja OPA bermula dengan proses bancuan air garam oleh pihak MET Malaysia dan TUDM sebanyak empat (4) tong dengan muatan 1,000 liter setiap tong sebelum dimasukkan ke dalam pesawat C130H No 20 Skuadron. Pesawat berkenaan kemudiannya diterbangkan oleh Mej Khairil Azham bin Ariffin TUDM serta Pembantu Juruterbang, Kapt Muhammad Hazim bin Mohd Nor TUDM bersama sembilan (9) anggota TUDM dan tujuh (7) petugas NADMA serta MET Malaysia ke lokasi sasaran untuk proses pemberian awan.

Pemberian awan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses mikrofizik awan yang terlibat dalam pembentukan titisan air hujan daripada molekul wap air yang sedia ada. Selepas titisan awan terbentuk, ia perlu mengembangkan saiznya kira-kira satu (1) juta kali ganda untuk menjadi titisan hujan.

Usaha bersepadau di antara ketiga-tiga agensi ini menjadi satu tanggungjawab yang mencabar bagi memastikan hujan terhasil dan seterusnya membantu menstabilkan paras empangan berkenaan.

Kerjasama seumpama ini juga membuktikan TUDM sentiasa komited melaksanakan fungsi sekunder Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya membantu agensi-agensi yang berkaitan di dalam pengurusan bencana.





Lawatan Kerja Ketua Pengarah JHEV ATM Ke Wilayah Persekutuan Labuan Dan Negeri Sabah

Artikel oleh: Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM

Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) telah melaksanakan Lawatan Kerja ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sabah pada **5 hingga 14 Februari 2024**.

Pelbagai program telah dirancang sepanjang lawatan ini bagi memastikan Veteran ATM Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Negeri Sabah tidak terkecuali dalam mendapat manfaat melalui skim-skim JHEV ATM bagi memperkasa Veteran ATM selari dengan Program Madani Rakyat Labuan 2024. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Cakna Veteran, Sesi Dialog, Majlis Penyerahan Rumah dan Perasmian Larian Amal Kempen Tabung Pahlawan.

Sesi Dialog bersama Veteran ATM Wilayah Persekutuan Labuan telah berlangsung pada 7 Februari 2024 bertempat di Menara Perbandaran Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 100 orang terdiri daripada Veteran ATM, balu serta wakil waris telah hadir semasa sesi taklimat ini. Dialog ini dilihat sebagai platform kepada Veteran ATM untuk mendengar dan mendapatkan maklumat-maklumat terkini yang disampaikan terus oleh KP JHEV ATM. Selain itu, dialog ini juga memberikan peluang dan ruang kepada para Veteran ATM untuk mereka melontarkan pandangan dan hasrat mereka kepada pihak pengurusan tertinggi JHEV dan Kementerian Pertahanan khasnya. JHEV ATM akan

meneruskan skim-skim bantuan kebajikan, perubatan, pendidikan dan sentiasa menambahbaik perkhidmatan dalam agenda memperkasakan kebajikan Veteran ATM.



Pada 12 Februari 2024, KP JHEV ATM telah menyempurnakan *flag off* Larian Amal Kempen Tabung Pahlawan yang telah dianjurkan oleh Persatuan Veteran Komando Malaysia (PVKMS) di Kompleks Sukan Daerah Semporna, Sabah. Seramai 120 orang telah menyertai larian amal ini. Kempen Tabung Pahlawan 2024 merupakan satu langkah proaktif dalam berkongsi kasih dan membantu pahlawan yang telah berkorban demi keamanan dan kemakmuran negara. Kementerian Pertahanan melalui JHEV ATM sentiasa prihatin dan peka dengan nasib dan hal ehwal Veteran ATM malah kesejahteraan Veteran ATM menjadi fokus utama Kementerian Pertahanan.

Majlis Perasmian Rumah Bina Baharu Inisiatif Perumahan Veteran ATM Peringkat Negeri Kedah

Artikel oleh: Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM



Majlis Perasmian Kunci Rumah Inisiatif Perumahan Veteran ATM peringkat Negeri Kedah tahun 2024 telah diadakan pada **22 Mac 2024** bertempat di Mukim Ulu Melaka, Langkawi. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Hj Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah. Pada majlis tersebut YAB Menteri telah menandatangani plak perasmian dan menyerahkan replika kunci kepada penerima Rumah Baharu Inisiatif Perumahan Veteran ATM iaitu Encik Nor Fauzi bin Mohamad, 42 tahun yang merupakan Veteran ATM yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Beliau tidak mempunyai rumah dan hanya menumpang di rumah keluarga abangnya.

Program ini merupakan kerjasama erat di antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) ini diwujudkan oleh SPNB bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah

usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Veteran ATM boleh membuat permohonan RMR di mana rumah akan dibina atas tanah sendiri dengan kos yang lebih rendah berbanding projek perumahan lain. Melalui kuota program ini, Veteran ATM akan menerima dua (2) peringkat bantuan iaitu subsidi dibawah Skim Rumah Mesra Rakyat yang dikawal selia oleh SPNB berjumlah RM20,000. Peringkat kedua bantuan perumahan JHEV ATM berjumlah RM55,000 di Semenanjung Malaysia dan RM65,000 di Sabah dan Sarawak. Manakala kos siling baik pulih rumah sebanyak RM17,000 seunit.

Pada tahun 2023, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM5.7 juta bagi menampung pembinaan 44 buah rumah baharu dan 177 baik pulih rumah Veteran ATM. Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau balu yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan. Bagi permohonan baik pulih ialah rumah yang didiami adalah rumah sendiri atau pusaka dan bukan rumah yang disewa. Skop bantuan baik pulih hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap yang tidak melibatkan struktur asal rumah. Manakala bagi permohonan bina baharu pemohon mestilah belum memiliki rumah atau mendiami rumah yang terlalu uzur, tidak selamat diduduki, dan tidak ekonomi untuk dibaiki serta memiliki tanah sendiri.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah wakil dari SPNB, persatuan-persatuan Veteran ATM di sekitar negeri Kedah dan pengurusan JHEV ATM.



Indoor Environmental Quality (IEQ) vs Indoor Air Quality (IAQ)

- Kepentingannya Terhadap Kesiagaan Pertahanan Negara

Artikel oleh: Mohd Subhi bin Din Yati
Bahagian Teknologi Maritim STRIDE

Istilah "Indoor Environmental Quality (IEQ) atau Kualiti Persekutuan Dalaman" mewakili domain yang merangkumi pelbagai sub-domain yang mempengaruhi kehidupan manusia yang mendiami suatu ruangan khusus contohnya dalam bangunan pejabat. Biasanya ruangan ini akan dilengkapi dengan sistem pengudaraan jenis mekanikal atau yang lebih sistematik seperti sistem **Mechanical, Ventilation, Air-condition (MVAC)** bagi menyampaikan sensasi keselesaan.



Persoalannya, adakah kita menyedari selain daripada berperanan dalam menyampaikan keselesaan, ia juga sebenarnya menyumbang kepada aspek kesihatan dan keselamatan. IEQ adalah lebih luas dan menyeluruh dimana ia termasuklah *Indoor Air Quality (IAQ)* atau kualiti udara dalaman, pencahayaan (lighting), keselesaan terma (thermal comfort), akustik (acoustic), kualiti air minuman, ergonomik, radiasi elektromagnet dan lain-lain.



Rajah 1: Kualiti Persekutuan Dalaman (IEQ) dan komponennya.

Kajian menunjukkan manusia menghabiskan 90 peratus masanya di ruangan yang tertutup contoh: pekerja pejabat. Mendiami persekitaran tertutup dalam tempoh yang lama amat berisiko kerana memungkinkan terdedah kepada elemen-elemen yang menjelaskan kesihatan. Berbanding personel yang bertugas di persekitaran terbuka, kepekatan elemen yang berisiko menjelaskan kesihatan contohnya gas karbon monoksida dengan sendirinya akan melarut di persekitaran terbuka.

Melihat kepada ruang lingkup lebih luas, petugas keselamatan dan pertahanan seperti anggota tentera dan agensi penguatkuasaan seperti APMM selain bertugas di bangunan, mereka juga menghabiskan tempoh perkhidmatan di dalam kapal perang, kapal selam serta platform offshore jauh di perempatan negara. Persekutuan dalaman sebuah platform marin adalah gabungan persekitaran kerja dan kediaman. Personel

menghabiskan tempoh yang panjang sehingga berminggu-minggu dalam persekitaran ini. Bagi menjamin produktiviti dan mengekalkan motivasi anggota, aspek keselesaan, keselamatan dan kesihatan perlu dititikberatkan.

Komponen bagi penilaian **IAQ** di kelaskan kepada fizikal, kimia dan biologi dimana maklumat persekitaran seperti suhu ($^{\circ}\text{C}$), kelembapan relatif (%RH), pergerakan udara (m/s) di bawah komponen fizikal, kepekatan gas karbon monoksida (CO), karbon dioksida (CO₂), formaldehyde, ozon, zarah cemar bawaan udara (airborne particles, mg/m³) dan volatile organic compound (VOC) di bawah kumpulan kimia. Perkiraan bakteria dan kulat (cfu/m³) berada di bawah kumpulan biologi. Walau bagaimanapun penilaian melalui komponen IAQ tidak cukup memberikan impak yang signifikan bagi menjamin mutu kesihatan dan produktiviti personel.

Justeru aspek lain seperti keselesaan terma (thermal comfort) dan pencahayaan (lighting) juga perlu diambil kira. Keselesaan terma merujuk kepada keadaan yang dikawal oleh persekitaran termasuk suhu udara, halaju udara, kelembapan, suhu sinaran,

dan kelembapan relatif manakala faktor manusia pula bergantung kepada pakaian dan haba metabolismik. Faktor pencahayaan (lighting) pula bergantung kepada tahap intensiti atau kecerahan, kontras dan silau.



Rajah 2 : Aset strategik merangkumi bangunan terperingkat dan aset-aset keselamatan dan pertahanan contohnya kapal perang dan kapal selam.

KESIMPULAN

Terkini, teknologi persenjataan tidak hanya tertumpu kepada pemusnah besar-besaran. Senjata biologi terbukti sebagai pembunuhan senyap yang efisien serta dihasilkan dalam kos terendah. Senjata biologi boleh dieksplorasi melalui medium larutan dan pengudaraan. Justeru, aspek kualiti persekitaran dalaman (IEQ) tidak boleh diabaikan apabila melibatkan aspek keselamatan dan pertahanan negara. Pemantauan secara *real-time*

memanfaatkan teknologi IOT bagi mengelakkan sebarang kemungkinan sabotaj. STRIDE sebagai sebuah *Government Research Institute* (GRI) di bawah Kementerian Pertahanan, bertanggunjawab dalam memastikan aset-aset pertahanan negara sentiasa siap siaga dengan sebarang kemungkinan melalui perlaksanaan sokongan teknikal dan R&D pertahanan.

Program Titian Kasih Ramadan

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah mengadakan program Titian Kasih Ramadan 1445H/2024 dengan menyampaikan sumbangan barang keperluan kepada dua (2) rumah kebajikan iaitu Pertubuhan Rahoma Darul Fakir Malaysia dan Rumah Kebajikan Titian Kaseh pada **22 Mac 2024**.

YBhg. Datin Seri Noor Laili binti Hamzah, Pengerusi PUSPANITA Cawangan MINDEF turut meluangkan masa menyampaikan sumbangan kepada rumah kebajikan tersebut. Turut hadir sama adalah YBrs. Puan Noriah binti Yunus, Timbalan Pengerusi II dan YBhg. Datin Nooraisah binti Jidin, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil STRIDE.



Semoga dengan pemberian sumbangan ini dapat mengurangkan beban dan secara tidak langsung memberikan kegembiraan kepada anak-anak dalam meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Program Pengurusan Jenazah 2024 Anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil STRIDE

Biro Pendidikan dan Inovasi PUSPANITA Cawangan Kecil STRIDE telah mengadakan Program Pengurusan Jenazah 2024 bertempat di Rumah PUSPANITA Tun Fatimah, Kompleks Induk STRIDE Kajang pada **27 Mac 2024**. Seramai 40 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada warga Wanita STRIDE.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Seri Noor Laili binti Hamzah, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan dan turut dihadiri oleh YBhg. Datin Nooraisah binti Jidin, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil STRIDE.

Program dimulakan dengan sesi ceramah teori dalam pengurusan jenazah dan seterusnya sesi amali meliputi tatacara mandi, kafan dan solat jenazah yang dibimbing oleh fasilitator yang berpengalaman iaitu Ustazah Ruzeeta binti Saad, Pembantu Hal Ehwal Islam Kanan, Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan.

Program ini diharapkan dapat memberi ilmu pengetahuan kepada peserta mengenai cara pengurusan jenazah yang betul di samping melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah kepada masyarakat.



Festival Hari Keluarga MINDEF 2024

Artikel oleh: Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)

Festival Hari Keluarga MINDEF 2024 telah diadakan pada **17 Februari 2024** bertempat di Padang Zetro, Kementerian Pertahanan. Festival yang julung kali diadakan merupakan anjuran Biro Tugas-tugas Khas, Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP). Pengajuran festival ini bertujuan meraikan dan mengeratkan hubungan silaturahim seluruh Warga Awam Kementerian Pertahanan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya perarakan bahagian/ jabatan/ agensi di bawah Kementerian Pertahanan, pertandingan sukaneka, pertandingan karaoke serta *mini petting zoo* dan

juga pelbagai jualan turut diadakan. Festival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Turut hadir sama YBhg. Datin Seri Noor Laili binti Hamzah, Pengurus PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan, YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) merangkup Timbalan Pengurus I PUSPANITA MINDEF, YBhg. Datin Nooraisah binti Jidin, Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil STRIDE, Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan juga Warga Kerja Awam Kementerian Pertahanan.



Festival Nasyid Sempena Ambang Ramadhan Kementerian Pertahanan



Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) telah berkolaborasi bersama Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Awam Islam Kementerian Pertahanan (PKPAI) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Pertahanan menganjurkan Festival Nasyid Sempena Ambang Ramadhan yang telah diadakan pada **5 Mac 2024** di Foyer Wisma Pertahanan.

Pertandingan melibatkan Bahagian Awam dan Unit Tentera dengan penyertaan 16 kumpulan terdiri daripada 150 orang peserta.

Senarai penuh pemenang Festival Nasyid 2024

Juara (RM800)
AR- RAZI BPSM

Kedua (RM600)
AL FARABI dari STRIDE

Ketiga (RM400)
CZUBANG dari Pangkalan Udara Subang

Keempat (RM200)
KHALIFAH BADSA dari BADSA

Kelima (RM200)
ADINDA dari BPM

Program SUNATHON PERDANA ATM Tahun 2024



Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan Kerjasama Kor Kesihatan Diraja (KKD) dan Etika Family Takaful Berhad telah menganjurkan Program Sunathon Perdana ATM Tahun 2024 bagi anak-anak Warga Kementerian Pertahanan pada **21 Februari 2024** bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, KEMENTAH (MKWK) dan telah disempurnakan oleh Lt Jen Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Seramai 200 orang kanak-kanak dan seorang saudara baharu telah menyertai program sunathon ini. Objektif program ini diadakan adalah untuk menghidupkan dan mempertingkatkan syiar Islam di kalangan warga KEMENTAH. Selain itu, pengajuran program ini adalah bagi meraikan kanak-kanak yang berkhatan agar mereka merasai suasana meriah dan keterujaan sebelum dikhatarkan disamping menyediakan khidmat berkhatan untuk anak-anak warga KEMENTAH.

Acara dimulakan dengan kanak-kanak yang menyertai program diarak dari perkarangan KD SRI GOMBAK ke MKWK sambil diiringi oleh paluan kompong dan selawat. Seterusnya kanak-kanak tersebut disiram beramai-ramai oleh Pasukan Bomba dari Stesen Bomba Kem Batu Kentomen dan dibantu oleh Balai Bomba Datuk Keramat. Kesemua mereka dikhatakan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan mengikut giliran yang telah ditetapkan oleh pihak pengajuran.

Turut hadir sama adalah Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KP KAGAT), Encik Mohamad Noor Sahidi bin Johari dan Pegawai-pegawai Kanan ATM. Acara diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada peserta khatan yang terlibat.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Serta Pingat Perkhidmatan Dan Pekerti Terbilang (PPT) Kementerian Pertahanan Tahun 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Kementerian Pertahanan 2024 telah diadakan pada 29 Februari 2024 bertempat di Grand Ballroom, Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Penganjuran majlis ini adalah untuk memberikan pengiktirafan dan seterusnya sebagai tanda penghargaan di atas kecemerlangan yang telah diberikan oleh Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Seramai 477 orang penerima APC (termasuk penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan PPT telah diraikan pada majlis tersebut yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan (MenHan). Pada majlis tersebut juga YB MenHan telah menyampaikan PPC kepada seorang penerima daripada Maktab Tentera Diraja yang merupakan satu-satunya penerima bagi kategori tersebut. Pencalonan ini berdasarkan kriteria yang memerlukan pegawai terpilih diiktiraf aktif dan berkemahiran dalam pelbagai bidang.

Kesemua penerima APC yang diraikan akan diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai bernilai RM1,000. Bagi Pesara Awam yang bersara wajib dan pilihan akan menerima Sijil Penghargaan serta wang tunai

berjumlah RM600 manakala hanya pesara wajib sahaja yang akan menerima penghargaan tambahan berupa pingat PPT.

Secara keseluruhannya seramai 10,436 orang yang terdiri daripada 863 orang Warga Kerja Kementerian Pertahanan, 9,420 orang anggota ATM dan 153 orang pesara yang menerima APC dan PPT pada tahun ini. Selain daripada yang diraikan di Grand Ballroom, Hotel Premiera, baki penerima APC dan PPT akan diraikan oleh bahagian dan jabatan masing-masing. Penganjuran majlis ini diharap dapat memberikan inspirasi dan suntikan semangat kepada keseluruhan Warga Kerja Awam Kementerian Pertahanan dan anggota ATM agar terus berkhidmat dengan lebih cemerlang dan komited di masa-masa yang akan datang.



WORK SMARTER -Not- HARDER

Artikel oleh: Tengku Nur Ain Natirah binti Tengku Abdullah
 Cawangan Pengurusan Psikologi,
 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Mengemudi konflik dalam suasana profesional adalah cabaran biasa yang dihadapi oleh ramai individu. Punca konflik ini selalunya boleh dikesan melalui faktor seperti beban kerja yang tinggi dan persaingan di tempat kerja. Apabila tidak ditangani, konflik ini boleh menjelaskan prestasi seseorang dengan ketara, mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan dan tidak produktif.

Menyelesaikan konflik di tempat kerja boleh menjadi tugas yang sukar, terutamanya bagi mereka yang mungkin tidak dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan. Namun begitu, mencari penyelesaian yang memuaskan adalah penting untuk memastikan persekitaran kerja yang harmoni dan produktif.

Dalam menyelesaikan konflik dengan berkesan, adalah penting untuk mempunyai pemahaman yang jelas tentang lima (5) gaya umum, atau mod, pengendalian konflik. Gaya ini pada asalnya dikenal pasti oleh Kenneth Thomas dan masih digunakan secara meluas oleh pakar penyelesaian konflik hari ini. Setiap gaya adalah berdasarkan gabungan untuk memuaskan keimbangan sendiri (ketegasan - assertiveness) dan memuaskan keimbangan orang lain (kerjasama - cooperativeness).



Lima (5) Gaya Umum Pengendalian Konflik

1 Gaya Persaingan (Competitive style)

Gaya ini dicirikan oleh tahap ketegasan yang tinggi dan tahap kerjasama yang rendah. Individu yang menggunakan gaya ini cenderung untuk mengutamakan keperluan dan keinginan mereka sendiri berbanding orang lain, selalunya dengan mengorbankan hubungan.

2 Gaya Berkolaborasi (Collaborative Style (Win-Win))

Gaya ini dicirikan oleh tahap ketegasan dan kerjasama yang tinggi. Individu yang menggunakan gaya ini tertumpu untuk mencari penyelesaian yang saling menguntungkan yang memenuhi keperluan dan keinginan semua pihak yang terlibat.

5 Gaya Menampung (Accommodative Style)

Gaya ini dicirikan oleh tahap ketegasan yang rendah dan tahap kerjasama yang tinggi. Individu yang menggunakan gaya ini cenderung untuk mengutamakan keperluan dan keinginan orang lain berbanding kepentingan mereka sendiri, selalunya dengan mengorbankan kepentingan mereka sendiri. Konflik interpersonal dalam organisasi tidak dapat dielakkan. Seseorang yang mementingkan kerjaya mesti terlebih dahulu mempelajari cara yang berkesan untuk menyelesaikan konflik.

3 Gaya Berkompromi (Sharing Style)

Gaya ini dicirikan oleh tahap ketegasan dan kerjasama yang sederhana. Individu yang menggunakan gaya ini sanggup memberi dan menerima untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh semua orang yang terlibat.

4 Gaya Mengelak (Avoidant Style)

Gaya ini dicirikan oleh tahap ketegasan dan kerjasama yang rendah. Individu yang menggunakan gaya ini cenderung untuk mengelakkan konflik sama sekali, sama ada dengan menarik diri daripada situasi atau dengan menangguhan penyelesaian.

Setiap konflik harus diselesaikan, bukan? Dengan memahami lima (5) gaya ini, individu boleh mengemudi situasi konflik dengan lebih baik dan memilih gaya yang paling sesuai untuk senario tertentu.

Garis Panduan untuk Menyelesaikan Konflik

1 Konfrontasi dan Penyelesaian Masalah (Confrontation and Problem Solving)

Pendekatan yang ideal untuk menyelesaikan sebarang konflik adalah dengan menghadapi isu sebenar dan kemudiannya menyelesaikan masalah. Konfrontasi bermaksud mengambil pendekatan penyelesaian masalah terhadap perbezaan dan mengenal pasti fakta asas, logik atau emosi yang menjelaskannya. Apabila konflik diselesaikan dengan menghadapi dan memahami punca, individu berasa bertanggungjawab untuk mencari jawapan yang paling tepat. Konfrontasi boleh diteruskan dengan lembut untuk mengekalkan hubungan. Tutup dengan berjabat tangan dan berkata "terima kasih." Perkara yang ketara tentang proses konfrontasi dan penyelesaian masalah ialah lakukannya secara bersemuka daripada menggunakan emel, menghantar mesej, media sosial atau pun menelefon.

2 Pengendalian Kritikan yang Konstruktif (Constructive Handling of Criticism)

Belajar untuk mendapat keuntungan daripada kritikan adalah cara yang berkesan untuk mendapat manfaat daripada konflik. Individu yang mendapat manfaat daripada kritikan mampu berdiri di luar diri mereka semasa dikritik. Ia adalah seolah-olah mereka melihat kritikan itu dari jauh dan mencari kemungkinan kebaikannya. Orang yang menerima kritikan secara peribadi berasa sedih apabila menerima maklum balas negatif.

3 Menyusun semula (Reframing)

Satu lagi pendekatan yang berguna untuk menyelesaikan konflik adalah untuk mengkaji semula atau merangka semula situasi konflik dengan melihatnya dalam sudut yang berbeza. Dua (2) pendekatan praktikal untuk menyusun semula, satu dengan mencari perkara positif dalam situasi tersebut, dan satu lagi dengan bertanya soalan.

4 Berunding dan tawar-menawar (Negotiating and Bargaining)

Konflik boleh dianggap sebagai situasi yang memerlukan perundingan, atau berunding dengan seseorang yang lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Tumpuan rundingan haruslah membina hubungan kerjasama dan mencipta nilai. Anda mungkin ingin menuntut sebanyak mungkin nilai itu untuk diri anda sendiri, tetapi matlamatnya bukanlah untuk memusnahkan pihak lain.

Peace is not absence of conflict; it is the ability to handle conflict by peaceful means. -Ronald Reagan

Kesimpulannya, konflik boleh memberi kesan yang ketara kepada kehidupan sehari-hari kita, dan memahami punca konflik tersebut boleh membantu dalam mencegahnya. Komunikasi yang berkesan adalah penting dalam menguruskan sebarang jenis konflik. Ia boleh membantu mengawal konflik yang berlaku di dalam atau di luar kerja.

Perlakuan berunsur seksual tidak diingini secara:

- Lisan / Bukan lisan
- Visual
- Psikologi & Fizikal

Boleh menyebabkan individu waras berasa tersinggung / terhina / terugut

APA ITU GANGGUAN SEKSUAL?



Beri kesan negatif kepada mangsa antaranya:

- Trauma
- Fobia
- Ketakutan
- Menjejaskan rutin harian

HENTIKAN GANGGUAN SEKSUAL

Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

ANTARA JENIS GANGGUAN SEKSUAL:



Merapati individu lain sehingga individu itu berasa tidak selesa



Memegang, memeluk, menepuk, mencubit



Guna bahasa lucah semasa berbual / bercerita / berjenaka / buat bunyi-bunyian



Menghantar bahan berunsur seksual seperti:


- Nota / surat / e-mel
- Khidmat pesanan ringkas (SMS)
- Foto / objek / bahan bacaan

KEMUKAKAN ADUAN ANDA MELALUI 4 SALURAN BERIKUT:-



MINDEF

Rekaan “M” diinspirasi oleh



Huruf M untuk
perkataan MINDEF

Bangunan
MINDEF

Benteng
Pertahanan

RASIONAL

Setiap ciri pada imej korporat MINDEF mempunyai makna yang terperinci bagi melambangkan Kementerian Pertahanan Malaysia.

1. Bentuk Huruf M

Merupakan permulaan huruf bagi perkataan “MINDEF”.

2. Bangunan MINDEF Wisma Pertahanan

Melambangkan warga kerja MINDEF yang terdiri daripada kakitangan awam dan Angkatan Tentera Malaysia.



3. Benteng Pertahanan

Menggambarkan pertahanan sebagai tonggak atau tugas utama kementerian dalam memastikan Malaysia selamat, berdaulat dan makmur.

4. Warna Angkatan Tentera Malaysia

Gabungan warna-warna rasmi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tunai Emas[•] Menang Emas

Peluang keemasan menanti anda!

3X Set Gelang Tangan
& Rantai Leher

9X Gelang Tangan



Tempoh kempen : 1 Mac - 31 Ogos 2024



Kunjungi cawangan
Ar-RahnuKT berhampiran



Tunai emas anda



Anda secara automatik
layak untuk menyertai cabutan
bertuah mengikut kumpulan
nilai gadaian yang ditetapkan



Pemenang cabutan bertuah
akan dihubungi oleh
pihak KT

Tertakluk kepada terma dan syarat

Koperasi Tentera



03-2303 0000



www.katmb.com.my